

04 NOV 1997

EKONOMI KUKUH M'SIA AKAN ATASI MASALAH KRISIS KEWANGAN, KATA TOKOH INDIA

Oleh: Mohd Haikal Mohd Isa

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Ekonomi Malaysia yang kukuh akan menangani pergolakan kewangan serantau yang dihadapi ketika ini dengan jayanya, kata Presiden Persekutuan Industri-Industri India (CII), N. Kumar, hari ini.

Dengan menyatakan komuniti perniagaan India menaruh sepenuh keyakinan Malaysia akan berjaya mengatasi masalah itu, Kumar yang juga naib-pengerusi Sanmar Group menambah krisis kewangan yang dialami oleh negara-negara Asia Tenggara ketika ini hanyalah satu fenomena sementara.

"Kekukuhan ekonomi Malaysia akan berjaya mengatasi semua masalah itu," katanya selepas mengetuai rombongan perniagaan India yang mengadakan mesyuarat dengan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu di pejabatnya di sini.

Negara-negara Asia Tenggara digegarkan oleh krisis kewangan yang menyebabkan penyusutan dalam nilai mata wang dan kegoncangan pasaran saham di rantau ini. Kesan itu turut berjangkit ke pasaran saham Hong Kong, Amerika Syarikat dan Eropah yang baru-baru ini turut merasai bahangnya.

Kumar berkata masalah yang melanda sektor kewangan negara ketika ini tidak akan menggugat usaha sama perniagaan yang telah wujud antara syarikat-syarikat India dan Malaysia malahan semakin menggalakkan perkongsian di masa hadapan.

Peningkatan dalam perkongsian antara Malaysia dan India dalam pembinaan pelabuhan, jalan raya dan lebuh raya adalah tindak balas positif terhadap seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kerjasama lebih erat diadakan antara kedua-dua negara ketika melawat India baru-baru ini, katanya.

"Selain daripada industri berskala kecil dan sederhana yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komponen automotif, banyak lagi perkongsian antara kedua-dua negara akan dijalankan," kata Kumar.

"Perkembangan hebat Malaysia dalam melengkapinya negara dengan prasarana moden adalah suatu yang patut dicontohi oleh komuniti perniagaan India untuk mencapai tahap kemewahan," katanya sambil menambah India harus belajar banyak perkara dari Malaysia dalam sektor prasarana.

Apabila ditanya mengapa syarikat-syarikat Teknologi Maklumat (IT) India kurang menyertai projek-projek Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia, Kumar berkata penyertaan mereka akan dipertingkatkan sebaik sahaja MSC menjadi kenyataan.

Syarikat IT dan berkaitan dengan perisian India mempunyai teknologi yang sangat baik dan canggih, katanya. Tahun lalu sahaja, mereka mengeksport sejumlah barangan berkaitan yang bernilai AS\$1.3 bilion. --

BERNAMA

MH ZK